



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

REBUT PELUANG SEBELUM 31 DISEMBER 2023, SIMPAN SSPN TAWAR PELBAGAI KEISTIMEWAAN DAN MANFAAT

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa komited dalam menggalakkan amalan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi. Usaha ini selari dengan Teras Pertama, Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 iaitu menjadikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai produk simpanan pendidikan utama di Malaysia.
2. PTPTN memperkenalkan Simpan SSPN untuk membantu ibu bapa merancang kewangan dari awal usia anak-anak. Ternyata, Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat yang memberikan peluang kejayaan untuk anak-anak. Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan manfaat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun yang telah dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2024. Ia merupakan insentif istimewa kepada pendeposit Simpan SSPN yang memberikan kelebihan berbeza berbanding produk simpanan lain di pasaran.
3. Simpan SSPN Prime juga menawarkan manfaat perlindungan takaful ke atas pendeposit. Inilah keistimewaan Simpan SSPN yang memberikan manfaat perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas sekiranya berlaku kematian/ ilat kekal menyeluruh kepada mereka. Sememangnya nilai manfaat ini tidak dapat menggantikan kasih sayang dan tanggungjawab sebagai seorang ibu atau bapa, namun simpanan di dalam Simpan SSPN dan nilai manfaat yang diterima ini dapat menampung kos pendidikan anak-anak yang ditinggalkan.

4. Istimewanya lagi, Simpan SSPN Prime juga menawarkan Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak iaitu ibu bapa yang mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000. Geran Sepadan ini merupakan insentif kewangan yang ditawarkan bagi penerima manfaat iaitu anak-anak yang diterima dan mendaftar masuk ke mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.

5. Simpan SSPN turut menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat lain kepada pendeposit seperti dividen yang kompetitif. Berdasarkan kepada peningkatan pelaburan dan *trend* prestasi deposit Simpan SSPN yang membanggakan setiap tahun, PTPTN menjangkakan pemberian dividen Simpan SSPN bagi tahun 2023 akan meningkat berbanding tahun 2022. Selain itu, Simpan SSPN merupakan instrumen simpanan yang patuh syariah dan dijamin kerajaan.

6. Pelbagai usaha dan strategi telah dilaksanakan oleh PTPTN bagi membudayakan amalan penabungan. Sebagai tanda penghargaan dan menggalakkan penabungan kepada masyarakat Malaysia, PTPTN mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023 yang menawarkan hadiah wang tunai yang lumayan dengan jumlah keseluruhan bernilai hampir RM500,000 menanti 138 orang pemenang. Tempoh promosi kempen bermula pada 1 Januari 2023 dan akan berakhir pada 31 Disember 2023.

7. Menurut Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, "PTPTN menyeru masyarakat Malaysia untuk segera membuat simpanan di Simpan SSPN sebelum 31 Disember 2023 untuk mendapatkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 bagi tahun taksiran 2023 dan pelbagai manfaat yang ditawarkan."

8. "Pendeposit disarankan membuat pembukaan akaun atau penambahan simpanan melalui aplikasi myPTPTN bagi urusan yang lebih mudah, cepat dan selamat. Pendeposit juga boleh melayari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai keistimewaan dan manfaat produk Simpan SSPN," tambahnya lagi.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
23 Disember 2023**